


PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,  
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,  
20200 KUALA TERENGGANU.



PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 1/1991.

Pelupusan Tanah Di Persisiran Pantai.

Berikutan hakisan pantai yang agak serius di beberapa tempat di negeri ini kawalan serta kaedah dan peraturan yang lebih ketat perlu diberi di atas pelupusan tanah-tanah di kawasan pantai. Diantara keputusan-keputusan mengenai pelupusan tanah-tanah di tepi pantai ialah:-

- i) Tanah kerajaan jarak 100 meter dari tepi pantai disimpan sebagai rizab pantai dan tidak lagi dilupuskan.
- ii) Mana-mana tanah kerajaan yang telah dilupuskan secara Lesen Tumpangan Sementara (LTS) yang terletak di dalam rizab pantai kini tidak akan dipertimbangkan lagi secara Hakmilik Kekal. Jika boleh tidak diperbaharui lagi Lesen Tumpangan Sementara.

2. Hendaklah diwujudkan 'coastal zone' dimana di bawah konsep ini dilarang sama sekali pelupusan tanah serta penempatan penduduk di zone ini. Pembangunan di atas tanah milikan sedia ada, adalah bergantung kepada kelulusan pihak-pihak yang berkuasa.

Sekian dan diharap dalam perhatian dan tindakan tuan jua dalam menimbangkan permohonan-permohonan untuk melupuskan tanah-tanah di tepi pantai serta pembangunan di sekitarnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA".

Saya yang menurut perintah,

(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)  
Pengaroh Tanah dan Galian,  
Terengganu.

../2-

EDARAN:

1. Pentadbir Tanah Daerah, Besut.
2. Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
7. Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

s.k.

1. YB. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Terengganu.

Fail: PTG.TR. G/05/1988/06/01 - (11)  
Tarikh: 31 Mac 1991.  
Bersamaan: 15 Ramadhan 1411.

DNMK/amy.